

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 20 JULAI 2020 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk kerja-kerja **membaik pulih struktur bangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR)** Kampung Serigei Putatan kerana di kawasan Parlimen P.173 Putatan terdapat rekahan dan kerosakan kritikal di Projek Perumahan Rakyat Kg Serigei, Putatan yang pada bila-bila masa sahaja boleh mengundang kepada kemalangan jiwa. Limpahan air hujan boleh memenuhi tingkat 1 dan 2 bangunan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, PPR Kg. Meruntum, Putatan, Sabah melibatkan pembinaan 500 unit telah siap pada 12 Januari 2017 dan telah diserahkan penyelarasannya dan penyelenggaraan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Daerah Putatan pada 13 Mac 2017.
2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan peruntukan bagi membaik pulih kerosakan/ penyelenggaraan harta bersama secara *one-off* di Program Perumahan Rakyat (PPR) melalui Program Penyenggaraan Perumahan (PPP).
3. Antara skop kerja yang terlibat di bawah program ini adalah pembaikan atau penggantian lif, tangki air, paip sanitari, bumbung, handrail, pendawaian elektrik, mengecat, kerosakan umum, pagar dan cerun.
4. Walau bagaimanapun, pemeriksaan untuk mengenal pasti keutuhan struktur bangunan yang mengalami keretakan dan kerosakan kritikal tidak termasuk di bawah skop kerja program PPP dan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
5. Sehubungan itu, KP KT menyarankan agar PBT merujuk kepada badan profesional untuk menilai keutuhan struktur bangunan PPR tersebut.

Sekian, terima kasih.